

KURSUS KEMAHIRAN BERFIKIR: PEMIKIRAN DI LUAR KOTAK DAN LATERAL

TARIKH: 23-24 NOVEMBER 2011
TEMPAT: HOLIDAY VILLA SUBANG

PENDAHULUAN

Kemahiran Berfikir adalah satu kemahiran penting yang perlu dan boleh dipelajari. Menjalani hidup dalam persekitaran yang dinamik memerlukan kita sentiasa ada cara baru menyelesaikan masalah. Kita tidak boleh menganggap bahawa cara yang pada satu ketika dulu berkesan masih terus berkesan pada satu masa lain. Ciri persekitaran berubah, *mindset* manusia berubah maka cara menangani isu yang sama juga perlu berubah, kecuali sesuatu peraturan yang telah ditetapkan Allah. Dalam menyahut cabaran begini, mampukah kita terus-terusan menjana idea dan rekaan baru dengan mudah?

Kursus ini membantu individu dengan memberi satu kaedah yang mungkin bersesuaian iaitu melalui cara lateral. Pemikiran lateral memberi satu cara berfikir berbeza yang boleh membuka laluan baru kepada idea-idea segar bagi mencari penyelesaian kepada satu-satu masalah.

MANFAAT JANGKA MASA PANJANG KEPADA ORGANISASI

Konsep dan proses pemikiran yang diketengahkan ini berupaya:

- Membantu meningkatkan keupayaan kreatif dan inovatif warga kerja;
 - Membantu menyelesaikan masalah dengan menjana idea baru yang lebih segar;
 - Membantu organisasi keluar dari perangkap *mindset* dan sempadan organisasi;
 - Membantu organisasi untuk berubah ke arah kebaikan;
 - Membantu organisasi untuk mengubah proses kerja lapuk.
-

OBJEKTIF KURSUS

Di akhir kursus, para peserta diharap akan:

- Faham konsep berfikir di luar kotak;
 - Faham konsep pemikiran lateral;
 - Tahu cara untuk mengenal pasti isu-objektif spesifik;
 - Tahu cara menggunakan tool di luar kotak bagi menjana idea segar;
 - Tahu cara menggunakan tool pemikiran lateral bagi menjana idea segar;
 - Tahu cara menambahbaik idea untuk mengurangkan risiko;
 - Upaya hurai elemen-elemen penting dalam usaha membangunkan minda.
-

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berminat untuk meningkatkan keupayaan berfikir.

RANGKA PROGRAM

HARI PERTAMA (23 NOVEMBER 2011, RABU)

- Pengenalan kepada kreativiti dan pemikiran lateral.
- Mengenal pasti isu-objektif spesifik.
- Mencabar sempadan kotak.
- Mencabar corak biasa untuk menjana idea.

HARI KEDUA (24 NOVEMBER 2011, KHAMIS)

- Kenal pasti konsep untuk menjana lebih banyak idea.
- Menggunakan input random untuk menjana idea.
- Menggunakan kenyataan provokatif untuk menjana idea.